

86

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN
BAKRI [KUDAT]**

NO. SOALAN : 33

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan apakah Kerajaan bercadang
untuk menaik taraf jalan kampung Narandang-
Kanibongan ke aspal memandangkan jalan ini
merupakan laluan utama bagi 15 buah kampung dan
jalan pelajar sekolah SMK Kanibungan, Pitas.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan Projek menaik taraf jalan kampung Narandang-Kanibongan, Pitas, Sabah tidak tersenarai dalam kelulusan projek RMKe11. Walau bagaimanapun, projek ini telah tersenarai dalam senarai keutamaan kerajaan negeri dan Kementerian ini akan mengangkat permohonan semula bagi pelaksanaan *Rolling Plan* akan datang.

Walaupun bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
DARIPADA [KUDAT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Abd Rahim Bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah sekolah menengah agama di Daerah Kudat memandangkan kawasan Parlimen Kudat belum mempunyai kemudahan tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa kini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tiada perancangan untuk membina sebuah sekolah agama di Kudat. KPM telah mengambil inisiatif untuk memberi pendidikan agama Islam di Daerah Kudat dengan membuka **Kelas Aliran Agama (KAA) di SMK Abd Rahim Kudat dan SMK Kudat II**. Bagi masyarakat setempat yang berminat kepada aliran agama di sekolah menengah kebangsaan agama, sekolah yang terdekat dengan Daerah Kudat adalah SMKA Kota Belud. Selain itu, terdapat dua (2) Sekolah Agama Rakyat (Rendah) dan sebuah Sekolah Agama Negeri (Menengah) di Daerah Kudat yang menawarkan aliran agama. Oleh itu, KPM berpandangan sekolah-sekolah yang telah beroperasi di sana dalam aliran agama mampu menampung permintaan masyarakat setempat.